



DALAM NEGERI

ARKIB : 11/09/2002

Kekalkan guru besar berijazah di SR dikaji

Oleh:RAJMAH HASAN SHIRAT

GENTING HIGHLANDS 10 Sept. - Guru besar yang memperoleh ijazah pertama dibenar meneruskan perkhidmatan di sekolah rendah (SR) jika cadangan yang dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) oleh Kementerian Pendidikan diluluskan.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat berkata, cadangan yang masih di peringkat kajian JPA itu dijangka berkuatkuasa selewat-lewatnya 2004 ini.

``Cadangan ini telah dikemukakan kepada JPA dan saya kira kita telah masukkan ia (cadangan) dalam anggaran belanjawan mengurus kementerian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Sijil Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH) dan Diploma-Diploma Institut Aminuddin Baki (IAB) di Genting View Resorts, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengarah IAB, Datuk Dr. Wan Chik Rahmah Wan Din.

Rafie berkata, Kementerian Pendidikan berasa keperluan mengemukakan cadangan itu memandangkan ia adalah selaras dengan usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah rendah di negara ini.

Lagipun katanya, matlamat kerajaan ialah untuk menempatkan 50 peratus guru siswazah di sekolah-sekolah rendah menjelang tahun 2010.

``Dasar kerajaan ialah untuk meletakkan guru siswazah di sekolah rendah.

``Justeru, apa saja rancangan ke arah itu menjadi pilihan," katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis tersebut Rafie berkata, program berteraskan latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang dikelolakan oleh IAB dilihat sebagai platform bagi menyediakan individu pendidik yang berwibawa dan berdaya saing.

``Umpamanya program NPQH yang berteraskan sistem dari United Kingdom dijangka melahirkan pelapis pemimpin dan pengurus yang mampu meningkatkan produktiviti sektor pendidikan," katanya.

Terdahulu Rafie menyampaikan sijil NPQH dan diploma-diploma IAB sesi 2000/2001 kepada 174 peserta yang terdiri kalangan pendidik, pengurus dan pemimpin pendidikan dari seluruh negara.

Seramai 58 orang menerima sijil NPQH, diikuti Diploma Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan (33 orang), Diploma Pengurusan Pendidikan Kualiti (18 orang), Diploma Pengurusan Sumber Manusia (37 orang) dan Diploma Pengurusan Kualiti (28 orang).

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0911&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm#ixzz2vdjSjeFp

© Utusan Melayu (M) Bhd